

Excelsior raih gelaran bola jaring UMS

HE 12.4.2013 12

KOTA KINABALU: Sejumlah sembilan pasukan menyertai Kejohanan Bola Jaring Sukan Massa Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berlangsung di gelanggang bola jaring Kompleks Sukan UMS baru-baru ini.

Pertandingan itu yang disertai oleh pelajar wanita dari sekolah-sekolah dan program pengajian UMS antara lain bertujuan untuk mencari bakat-bakat baru dalam bidang sukan tersebut selain sebagai satu usaha menggalakkan mahasiswa mengamalkan gaya hidup sihat seiring dengan pencapaian akademik.

Kejohanan itu yang menggunakan peraturan secara sistem liga pada peringkat kumpulan menyaksikan wakil program Sains Sukan UMS, pasukan Excelsior berjaya mengungguli kumpulan A.

Manakala pasukan 1 Short dan pasukan Kampung E



EXCELSIOR Sport Science juara bola jaring Sukan Massa 2013.

masing-masing menjuarai kumpulan B dan kumpulan C setelah sama-sama mengalahkan kesemua pasukan dalam perlawanan di peringkat kumpulan.

Pada peringkat separuh akhir pasukan Excelsior mengalahkan Energetic dengan jaringan 8-1 manakala pasukan Kampung E menewaskan 1 Short dengan jaringan 4-1.

Dalam perlawanan penentuan tempat ketiga, Energetic berjaya mengalahkan 1 Short

dalam satu perlawanan yang agak mendebarkan dengan jaringan 5-2.

Perlawanan akhir menyaksikan Excelsior yang diketuai oleh bekas pemain bola jaring negeri Johor, Nur Masaimi Mazlan untuk membenam pasukan Kampung E dengan 10-2.

Bagi jurulatih Pasukan Excelsior, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin; beliau berpuas hati dengan latihan dan pencapaian anak buahnya namun melahirkan keke-

ceaan kerana tahap kemahiran pasukan lain masih jauh ketinggalan.

Beliau yang juga pemegang Sijil Kejurulatihan Bola Jaring PBJM berkata, program pembangunan bola jaring perlu dilaksanakan dengan lebih intensif untuk menggalakkan lebih ramai pelajar wanita terlibat dalam sukan ini. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh wakil pengangur kejohanan, Syed Salim Syed Ibrahim.